

19/06/2002

Belajar jadi pengikut baik, setia: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua ahli Umno, khususnya daripada tiga cabang parti itu - Pemuda, Wanita dan Puteri - supaya belajar menjadi pengikut yang baik dan setia kepada pemimpin.

Timbalan Presiden Umno itu menegaskan, mereka perlu menimba secukup pengalaman yang menjadi guru kehidupan kerana jika gagal menjadi pengikut yang baik, sukar bagi mereka menjadi pemimpin yang berkesan.

"Belajar dan berusaha menjadi pengikut yang baik dan setia kepada pemimpin sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin yang baik kepada parti dan setia kepada perjuangan.

"Berkhidmat dan berusaha menjadi pengikut yang baik dan setia. Berkhidmat dan berjasalah kepada parti dan ahli," katanya ketika berucap merasmikan serentak perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno serta Konvesyen Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam ini.

Dalam ucapan bertemakan 'Mengubah Minda' itu, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, kekuatan dalaman Umno memerlukan kesepakatan tulen sesama ahli serta rangkaian hubungan baik antara pemimpin dengan pengikut.

Pemimpin perlu bersatu kerana pengikut akan lebih bersatu jika pemimpin menunjukkan contoh teladan untuk bersatu. Sebaliknya, pengikut akan hilang ghairah dan mengadu domba jika pemimpin tidak memberikan galakan.

"Umno akan bertambah kuat dengan usaha dan gerak kerja yang dapat meningkatkan perpaduan kerana pergeseran, jika dibenarkan berlaku, akan mengambil masa lama dan banyak tenaga untuk diselesaikan," katanya.

Beliau kesal kerana sudah acap kali berlaku pergeseran dalaman yang berpunca daripada perebutan kuasa sehingga pemimpin disamakan dengan bahan dagangan dan boleh dijual beli.

Katanya, pemilihan pemimpin adalah amalan yang diizinkan oleh perlembagaan parti dan jika dilaksanakan secara positif tanpa fitnah, cercaan, sogokan dan ugutan, ia dapat berlangsung tanpa melemahkan kekuatan parti.

"Marilah kita berazam merobohkan pentas sengketa sesama kita. Marilah kita bertekad membina dataran persaudaraan sesama kita. Di kalangan Pemuda, tidak harus ada orang Hishammuddin dan bukan orang Hishammuddin.

"Di kalangan Wanita, tidak harus ada orang Rafidah dan bukan orang Rafidah. Di kalangan Puteri, tidak harus ada orang Azalina dan bukan orang Azalina.

"Kesemua kita adalah di bawah pimpinan seorang Presiden. Kesetiaan dan khidmat kita adalah untuk Umno di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Abdullah menggesa ahli parti supaya mencontohi Dr Mahathir yang gigih, berani, tegas dan tekun menunaikan amanah sebagai peneraju Umno dan kerajaan selama ini sehingga menjadikan Malaysia dan rakyatnya makmur dan maju.

Katanya, dalam tempoh 21 tahun pimpinan Dr Mahathir, negara dan rakyat sudah melalui proses transformasi yang amat ketara sehingga Malaysia bukan lagi negara picisan, tetapi negara contoh dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyat.

"Itulah Dr Mahathir, Dr Umno. Potret dan wajah seorang negarawan yang celik hati, celik minda. Sikap dan watak seorang negarawan memiliki wawasan, memiliki karisma. Memimpin, mengajar kita mengubah minda. Bersikap Malaysia boleh, kita boleh.

"Sesungguhnya negara dan warga, parti dan bangsa amat bertuah dikurniakan seorang pemimpin yang begitu karismatik.

"Kepada-Mu Ya Allah, kami bersyukur kerana Engkau telah mengangkat seorang daripada hamba-Mu untuk dijadikan negarawan ulung memimpin kami. Kami doakan semoga beliau terus diberikan kekuatan membawa negara dan warga ke persada kejayaan lebih cemerlang dan gemilang," katanya.

Abdullah turut mengingatkan ahli Umno, pembangunan fizikal yang hebat telah mempengaruhi lanskap sosial negara dari segi gaya hidup, cara hidup, bentuk pekerjaan, corak kerjaya, tenaga mahir, kumpulan iktisas, daya berfikir dan daya analisis rakyat.

Sejak 21 tahun lalu, sebelas juta rakyat yang mencakupi 45 peratus penduduk negara ini dilahirkan dan mereka bakal menjadi pengundi yang akan menentukan kerajaan dalam pilihan raya akan datang dan hala tuju negara.

Kumpulan 11 juta orang itu, katanya, bukan saja dilahirkan di era pascamerdeka, malah hanya mengenali negara di bawah pimpinan seorang perdana menteri. Era penjajahan begitu asing bagi mereka, era pra-Dasar Ekonomi Baru tidak dapat mereka fahami.

Katanya, mereka juga tidak memiliki pengalaman membuat penilaian perbandingan terhadap perbezaan tahap kemajuan bangsa dan negara.

"Mereka adalah warga yang harus dibawa dalam perjuangan Umno supaya mempunyai minda dan memiliki orientasi menghayati nadi perjuangan dan menghargai peranan pemimpin dan parti yang meletakkan negara di persada kejayaan dan kegemilangan," katanya.

Abdullah berkata, Pemuda, Wanita dan Puteri Umno berperanan penting untuk membimbing generasi muda dan akan datang, supaya bersedia menyambung wadiah perjuangan parti.

Golongan itu perlu dibentuk menjadi insan terbilang menerima amanah untuk membawa bangsa mencipta kejayaan lebih cemerlang dan meletakkan negara di persada lebih gemilang.

"Isikan dada setiap ahli Umno dengan iman yang teguh hingga menjadi Melayu sejati bertakwa dan berilmu. Melayu sejati mengutamakan isi dalaman dan tidak terpedaya dengan bentuk luaran. Jangan disangka alim kerana jubah. Jangan disangka masjid kerana kubah.

"Melayu sejati berpegang kepada kebenaran. Yang betul disokong. Yang salah dihukum. Yang putih disucikan. Yang hitam dibersihkan," katanya yang mengakhiri ucapan dengan laungan "Hidup Umno!" dan "Hidup Melayu!" oleh perwakilan.

(END)